



SIARAN MEDIA

ALATAN BERTEKNOLOGI TINGGI MELAYAKKAN HOSPITAL REHABILITASI CHERAS DIKTIRAF SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN DALAM BIDANG PERUBATAN REHABILITASI NEGARA

Kuala Lumpur, 30 Oktober 2025 - Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) menerima peruntukan **RM5.38 juta** bagi perolehan sebanyak **37 jenis peralatan terkini** dalam bidang perubatan rehabilitasi, termasuk:

- a. pemulihan anggota (fisioterapi);
- b. terapi cara kerja;
- c. Audiologi;
- d. terapi pertuturan;
- e. psikologi klinikal; dan
- f. penjagaan pesakit dalam.

Inisiatif Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence:CoE) merupakan antara agenda utama **Reformasi Sistem Kesihatan** di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi **mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negara** agar setaraf dengan **piawaian antarabangsa**. Sebanyak **21 hospital dan institusi KKM** di seluruh negara telah dikenal pasti **berpotensi** untuk **diiktiraf sebagai CoE** dengan peruntukan keseluruhan **RM100 juta** bagi tempoh **2025 sehingga 2026** untuk perolehan alatan perubatan berteknologi tinggi.

KKM hari ini menyerahkan secara rasmi peralatan perubatan berteknologi tinggi kepada HRC di bawah **Inisiatif Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence:CoE)** sebagai langkah memperkukuh bidang Perubatan Rehabilitasi negara. Majlis ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan.

Pewujudan CoE bukan sekadar **bergantung kepada kelengkapan moden**, tetapi turut menuntut **kepakaran tenaga kerja, latihan berterusan dan pencapaian dalam bidang penyelidikan dan inovasi**. HRC sebagai **satu-satunya hospital awam yang memberikan tumpuan penuh kepada bidang Perubatan Rehabilitasi** telah membuktikan keupayaannya dengan menyediakan fasiliti terbaik, serta memainkan peranan penting dalam pembangunan tenaga profesional melalui program latihan di dalam dan di luar negara.

Melalui terimaan dan penggunaan peralatan berteknologi ini, HRC diyakini akan dapat meningkatkan keupayaan serta keberkesanan perkhidmatan pemulihan yang ditawarkan kepada para pesakit, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan komitmen KKM dalam memberikan sistem kesihatan yang inklusif.

KKM akan terus meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat melalui pelbagai saluran dan memastikan penggunaan teknologi tinggi adalah pada tahap maksimum agar nikmat sihat itu dapat dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

